

# Lembu korban bebas penyakit

---

FARAH SHAZWANI ALI  
12 OGOS 2018



*DR MOHD TERMIZI GHAZALI*

KUALA TERENGGANU - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu memberi jaminan bahawa lebih 5,000 ekor lembu korban sempena Hari Raya Aidiladha ini bebas daripada penyakit hawar berdarah serta kuku dan mulut.

Pengarahnya, Dr Mohd Termizi Ghazali berkata, pihaknya telah menjalankan pemantauan dan pemeriksaan rapi terhadap kesemua haiwan ternakan tersebut.

Menurutnya, untuk menampung bekalan ternakan korban, selain lembu tempatan, sebanyak 2,000 ekor lembu dari luar Terengganu iaitu dari Kelantan dan Pahang turut dibawa masuk ke negeri ini.